

28/05/2003

Permohonan MyKad Zulhadi mungkin bermasalah

Rene Harlene Drahman

JABATAN Pendaftaran Negara (JPN) ingin merujuk aduan Zulhadi Manving dari

Tawau, Sabah yang mendakwa masalah berhubung permohonan MyKad beliau yang

disiarkan dalam ruangan ini pada 15 Mei lalu.

Tidak dinafikan, sejak pengecualian bayaran bagi MyKad diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, JPN menerima permohonan di luar jangkaan.

Orang ramai datang berpusu-pusu dan kami menghargai kesungguhan masyarakat dalam menyahut seruan kerajaan ini.

JPN menerima purata sehari bagi permohonan MyKad adalah sebanyak 20,000

dan daripada jumlah itu 90 peratus permohonan tidak bermasalah dan dihantar secara online untuk diproses.

Dalam keadaan ini, proses MyKad dapat disiapkan dalam dua minggu untuk kawasan sekitar Lembah Klang, manakala bagi luar Lembah Klang pula proses

memakan masa sebulan. Ini bermakna JPN menerima hampir 10 peratus permohonan bermasalah seperti cap jari tidak sepadan, data tidak sama, status kewarganegaraan yang tidak dapat ditentukan dan sebagainya.

Kes yang bermasalah seperti ini terpaksa dirujuk ke Ibu Pejabat Negeri serta Ibu Pejabat JPN di Petaling Jaya, Selangor dan proses terpaksa dibuat secara 'manual'.

Proses yang begitu teliti dibuat bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan

kelulusan mengambil masa di antara tiga hingga enam bulan.

Merujuk kembali kepada permasalahan Zulhadi, kami menjangka permohonan beliau mungkin bermasalah. Oleh itu, kami meminta beliau mengemukakan nombor pengenalan diri bagi membolehkan kami membuat semakan atas aduan itu.

RENE HARLENE DRAHMAN,

Pegawai Perhubungan Awam.

b/p Ketua Pengarah JPN.